

**SOALAN NO: 495**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG  
[ WANGSA MAJU ]**

**RUJUKAN : BL11 [PR-1343-T76532]**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan statistik permohonan rumah pangsa DBKL dan rumah mampu milik WP.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, sehingga kini sebanyak 74,000 unit Perumahan Awam/Projek Perumahan Rakyat (PA/PPR) telah diduduki untuk program penempatan setinggan dan juga golongan berpendapatan rendah yang terdiri daripada 70 kawasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Bagi urusan pendaftaran, sistem pendaftaran terbuka telah dibuat sejak tahun 1998 dan bermula pada tahun 2005, sistem e-Perumahan telah dilaksanakan. Mengikut statistik yang telah dikeluarkan melalui sistem e-Perumahan, sehingga Oktober 2016 pihak DBKL menerima 136,274 borang permohonan sewa rumah. Daripada jumlah ini, sebanyak 66,754 permohonan layak menyewa rumah DBKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebanyak 24 projek rumah mampu milik Wilayah persekutuan (RUMAWIP) telah dibuka permohonan melalui Portal RUMAWIP semenjak pelaksanaan program ini pada tahun 2013. Sehingga kini, projek-projek tersebut telah menerima sebanyak 94,059 permohonan berbanding jumlah unit yang ditawarkan sebanyak 13,682 unit.

Daripada 23 projek tersebut, sebanyak 10 projek dengan 7,825 unit telah dibuka penjualan di mana 6,202 unit daripadanya telah habis dijual iaitu sekitar 79% penjualan. Manakala bakinya sebanyak 1,623 unit masih lagi dalam proses penjualan.

Selebihnya iaitu 13 lagi projek masih lagi di peringkat permohonan dan juga peringkat tapisan melibatkan sejumlah 5,308 unit. Jumlah permohonan yang banyak diterima bagi program RUMAWIP ini secara tidak langsung menunjukkan inisiatif RUMAWIP ini diterima secara positif oleh rakyat dan juga menggambarkan betapa golongan berpendapatan sederhana terutamanya amat memerlukan kediaman mampu milik ini. Justeru, Kementerian dan agensi akan datang akan terus berusaha membantu menawarkan lebih banyak lagi projek-projek rumah mampu milik kepada rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan.